

Utusan Malaysia - Ringgit Tidak Ditambat Semula

 Rabu, Jan 24 2018

Ringgit tidak ditambat semula

KUALA LUMPUR 23 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, kerajaan tidak akan menambat ringgit lagi seperti mana yang dilakukan oleh pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, kerana langkah itu bukan penyelesaian masalah ekonomi.

Beliau berkata, tindakan pentadbiran Dr. Mahathir menambat ringgit pada kadar RM3.80 berbanding satu dolar Amerika Syarikat (AS) untuk tempoh yang lama telah menyebabkan pelabur serta pasaran dunia hilang keyakinan terhadap Malaysia.

"Kita telah menegaskan bahawa tidak akan mengulangi langkah itu, walaupun adakala nilai mata wang akan mengalami turun naik dalam tempoh jangka pendek.

"Namun dalam jangka masa panjang paras ringgit akan mencerminkan kekuatan ekonomi Malaysia," kata Perdana Menteri semasa menyampaikan ucap tama perasmian Invest Malaysia 2018, di sini hari ini.

Krisis Kewangan Asia pada 1997 dan 1998 telah menjejaskan mata wang kebanyakan negara serantau termasuk ringgit, sehingga menyebabkan kerajaan pada masa itu menambat ringgit kepada dolar AS pada RM3.80 untuk memastikan nilainya tidak terus menjunam.



um 24/1

Kita telah menegaskan bahawa tidak akan mengulangi langkah itu, walaupun adakala nilai mata wang akan mengalami turun naik dalam tempoh jangka pendek."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

Tambatan itu ditamatkan pada Julai 2005 oleh Perdana Menteri pada waktu itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Jelas Najib, beliau agak risau sekiranya pemimpin kanan pembangkang sendiri tidak memahami ekonomi apabila mencadangkan ringgit ditambat semula kerana percaya langkah itu boleh menyelamatkan negara.

Dalam pada itu, beliau berkata, nilai ringgit kini yang kembali konsisten berada di bawah paras RM4 berbanding satu dolar AS sejak awal bulan ini turut disumbangkan oleh keyakinan pelabur-pelabur asing terhadap kecemerlangan asas ekonomi Malaysia, bukan hanya kerana kenaikan harga minyak dunia semata-mata.